



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
MEJAR (K) DATUK MOHAMMAD
UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
MEJAR JENERAL DATO' PAHLAWAN HJ.
ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)

Naib Presiden
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN
MEJAR (K) HABIBULLAH BIN DATO' HJ.
AHMAD
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT

Setiasaha Kehormat
KAPTEN SHAHARUDDIN BIN SAMSI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiasaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
KU NORZAINUN BT DATO' HJ. IMAM
ASMAWI

Ahli-ahli Jawatankuasa
ADILA BIN DATO' ABDULLAH
HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN
DATUK ISHAK
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATO' MOHID BIN MOHAMED
DATUK MUHAMMAD SYAHRIL BIN ABU
BAKAR
AISHAH BINTI MAT DESA
DATO' DR. S. PRABAKARAN A/L K.
SELVARAJU
MOHAMED IMRAN BIN MOHD AFZAL

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR.
KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DCP DATUK SALEHHUDIN BIN ABD
RAHMAN (B)

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD
NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN
DATUK ISHAK

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MEJAR (K) HJ. ADNAN BIN ABDULLAH

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR

Pengerusi Negeri Sembilan
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)

Pengerusi Negeri Sabah
NORJIE BINTI BUSU

Pengerusi Negeri Sarawak
NOOREHAIDAH BINTI ABDUL HASSAN

Sekretariat

Pengurus Besar
IEFF NOR IETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2026(30)

3 OGOS 2026

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah/Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-30/2026: **PROGRAM LATIHAN MENEMBAK PISTOL 9MM BAGI PENGARAH /** **PEMEGANG SAHAM DAN KAKITANGAN SYARIKAT KESELAMATAN** **(AHLI PIKM)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, PIKM akan mengadakan **Program Latihan Menembak (PLM)** bagi Pengarah/Pemegang Saham dan Kakitangan Syarikat Keselamatan Berlesen C&U (Ahli PIKM) seperti ketetapan berikut:

TARIKH & HARI	Siri 01/2026 14 November 2026 (Sabtu)	Hari Program 0700 - 1230 1400 - 1600
TEMPAT	Lapang Sasar Brigid Tengah PGA Cheras, Selangor	
PENYERTAAN	Terbuka kepada semua Pengarah / Pemegang Saham dan kakitangan Syarikat Keselamatan Berlesen C&U (Ahli PIKM)	
JENIS SENJATA	Pistol 9MM	
BUTIRAN ACARA	"Lampiran A"	

3. Bagi Ujian Kemahiran Menembak Siri 01/2026 ini, pendaftaran hanya terbuka kepada **100 peserta terawal sahaja**. Bagi kategori individu wanita pula, hanya akan diadakan sekiranya menerima penyertaan sekurang-kurangnya 5 peserta wanita.

4. Sehubungan itu, syarikat keselamatan (Ahli PIKM) yang berminat diminta mengemukakan Nama Penuh, Nama Syarikat, No. Kad Pengenalan, dan No. Lesen A dan 'Carry & Use' (C&U) (seperti tertera dalam Kad Lesen Senjata Api) dalam borang seperti di "**Lampiran B**" untuk tujuan permohonan oleh PIKM kepada PDRM. Borang hendaklah dikemukakan kepada Sekretariat PIKM dengan emel subjek "**Program Latihan Menembak 2026**" ke info@pikm.my seperti berikut;

i) PLM PIKM 01/2026 **pada atau sebelum 21 Ogos 2026 (Jumaat) sebelum jam 5.00 petang.**

Penyertaan syarikat keselamatan (Ahli PIKM) di dalam Program Latihan Menembak ini amat dialu-alukan. Semoga penganjuran acara sebegini dapat merapatkan hubungan silaturahim antara ahli-ahli PIKM.

Sekian terima kasih.

Yang benar,



KAPT SHAHARUDDIN BIN SAMSI
SETIAUSAHA KEHORMAT

RINGKASAN ACARA

TARIKH & HARI	Siri 01/2026 14 November 2026 (Sabtu)	Hari Program 0700 - 1230 1400 - 1600
TEMPAT	Lapang Sasar Briged Tengah PGA Cheras, Selangor	
PENYERTAAN	Terbuka kepada semua Pengarah / Pemegang Saham dan kakitangan Syarikat Keselamatan Berlesen C&U (Ahli PIKM)	
JENIS SENJATA	Pistol 9MM sahaja (senjata & peluru adalah tanggungjawab peserta)	
YURAN PENYERTAAN	Acara Individu : RM100.00 Acara Pasukan : RM150.00 (Maksimum 3 peserta satu kumpulan dan maksimum 3 pasukan dari satu syarikat sahaja)	

ATURCARA

TARIKH & HARI	MASA	PERKARA
Siri 01/2026 14 November 2026 (Sabtu)	0700 - 0730	Sesi Pendaftaran & Sarapan Pagi
	0730 - 0830	Acara Pool Bull
	0830 - 0845	Safety Briefing
	0845 - 1230	Acara Menembak Individu Centre Fire and Rapid Fire
	1230 - 1400	Solat Zohor & Makan Tengahari
	1400 - 1600	Jatuh Piring Berpasukan & Acara Falling Plate VVIP
	1600	Penyampaian Hadiah

PENJELASAN ACARA

A. POOL BULL

Setiap peserta dibenarkan menembak Pool Bull sebagai pemanas laras namun setiap peluru sendiri yang digunakan dikenakan bayaran RM1.00 sebutir. Kupon RM5.00 (lima butir) dan kupon RM10.00 (10 butir) akan disediakan. Jarak adalah 20 meter.

Pemenang Acara Pool Bull adalah peserta yang menembak sasaran yang ditentukan dengan tepat (clean shot). Pemenang akan membawa pulang 70% dari kutipan wang penyertaan Pool Bull. Sekiranya ada lebih dari satu pemenang, hadiah wang tunai ini akan dibahagi sama rata, selebihnya akan disumbangkan ke Tabung Kebajikan PIKM.

B. ACARA INDIVIDU

Setiap peserta akan menembak 10 butir peluru pada jarak 15 meter untuk acara rapid fire dan 20 meter untuk acara centre fire dalam masa 4 minit untuk setiap jarak. Hadiah akan diberi kepada juara hingga ke tempat keenam untuk acara centre fire dan rapid fire secara berasingan.

C. ACARA PASUKAN

Markah setiap peserta individu dalam pasukan akan dijumlahkan untuk menentukan keputusan Pemenang Acara Pasukan untuk acara centre fire dan rapid fire. Peserta hanya boleh menubuhkan pasukan dari syarikat yang sama. Kebenaran khas diberikan sekiranya mana-mana peserta lesen 'A' yang tidak mempunyai ahli pasukan untuk acara pasukan dan acara falling plate, pembayaran dan pendaftaran pasukan boleh dibuat sebelum tarikh tutup pendaftaran. Pendaftaran lewat tidak akan diterima. Pasukan dengan jumlah mata tertinggi dinobatkan sebagai pemenang. Hadiah akan diberikan kepada 3 kumpulan terbaik untuk acara centre fire dan rapid fire berpasukan secara berasingan.

D. ACARA FALLING PLATE

Semua pasukan terus ke pertandingan Falling Plate secara "knock-out".

Sepuluh "Plate" akan disediakan untuk setiap kumpulan. Setiap peserta dalam pasukan akan dibenarkan mengisi 5 butir peluru dalam 2 kelopak. Pasukan dikehendaki menembak 9 "Plate" + 1 "Start Plate" / "Stop Plate" dan acara ini akan dilaksanakan secara "knock out". Bagi pasukan yang berjaya ke peringkat separuh akhir dan akhir pemenangnya akan ditentukan melalui "best of three". Hadiah akan diberikan kepada juara hingga tempat ketiga. Jarak adalah 15 meter.

E. ACARA FALLING PLATE VVIP

Kemuncak Program Latihan Menembak PIKM 01/2026 adalah acara tembak Falling Plate VVIP antara Pasukan PIKM dan Pasukan Ketua Polis Daerah Kajang. Tiga (3) orang peserta diperlukan dari setiap pasukan

Perhatian: Keputusan pengadil adalah muktamad.

BORANG PROGRAM LATIHAN MENEMBAK PISTOL 9MM BAGI PENGARAH/PEMEGANG SAHAM SYARIKAT DAN KAKIKATANGAN SYARIKAT KESELAMATAN NERLESEN C&U (AHLI PIKM)

**PEMBAYARAN YURAN PENYERTAAN BOLEH DIBUAT SECARA
'ONLINE TRANSFER':**

BANK & NO AKAUN : MALAYAN BANKING ISLAMIK (MBI) (5625 6230 7097)

**NAMA AKAUN : PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
REF : PLM 2026**

Nota: Lampiran B dan bukti pembayaran perlu dikemukakan ke alamat emel info@pikm.my

YURAN PENYERTAAN	Acara Individu : RM100.00 Acara Pasukan : RM150.00 (Maksimum 3 peserta satu kumpulan dan maksimum 3 pasukan dari satu syarikat sahaja)
-----------------------------	---

NAMA PENUH (SEPerti DALAM KAD PENGEnALAN)	NO KAD PENGEnALAN	JAWATAN	NAMA SYARIKAT	KATEGORI (INDIVIDU / BERKUMPULAN)	NO. LESEN SENJATA 'A ' 'CARRY AND USE' (C&U) (SEPerti TERtera DALAM KAD LESEN SENJATA API)

“Lampiran B (Sambungan)”

[illegible]